

Inkubasi Usahawantani dapat sambutan

Oleh Rosniza
Mohd Taha
yoniza@bh.com.my

► Puchong

Penganjuran Program Inkubasi Usahawantani Universiti Putra Malaysia (UPM) terus mendapat sambutan apabila 67 lagi graduan institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan terpilih menghampiri mulai Januari lalu hingga Jun ini.

Daripada jumlah itu, 18 peserta mengikuti modul tanaman rock melon, ternakan ayam kampung (16 peserta), perkhidmatan makanan (14 peserta), ekopelancongan (10 peserta) dan sembilan lagi peserta mengikuti modul akuakultur.

Ketua Setiausaha II Kementerian Pendidikan, Prof Datuk Ir Dr Zaini Ujang, peserta bukan saja mempelajari pengurusan projek tetapi

turut mendapat pendedahan mengenai teknik perundangan perniagaan berkesan.

Cabaran berniaga

Katanya, mereka juga akan menjalani perbincangan kumpulan, pertukaran maklumat dengan syarikat swasta serta aktiviti bina pasukan yang akan meningkatkan keyakinan peserta untuk menghadapi cabaran perniagaan.

“Majoriti pengeluar atau petani di negara ini dalam kalangan golongan berusia yang rendah tahap produktiviti kerana faktor umur selain kadar penggunaan teknologi yang rendah.

“Penghasilan lebih ramai usahawan muda yang berjiwa besar dan bertenaga menerusi program seumpama ini diharap mampu meningkatkan pengeluaran makanan negara menerusi penggunaan teknologi pengeluaran terkini,” katanya ketika berucap merasmikan



Prof Zaini bersama-sama Prof Fauzi meninjau sangkar ikan tilapia yang akan menjadi tapak program modul akuakultur.



Prof Zaini (kanan) menanam pokok sebagai simbolik perasmian Program Inkubasi Usahawantani UPM

gram itu.

Penyelesaian masalah

“Pencerobahan haiwan pemangsa ke dalam kolam ternakan serta saiz ikan tidak memuaskan antara cabaran dihadapi bapa saya yang mengusahakan ternakan ikan tilapia sebagai pendapatan sampingan.

“Saya ingin mempelajari penyelesaian terhadap masalah seumpama itu selain memantapkan kemahiran pengurusan perniagaan,” katanya.

Sementara itu, graduan Ijazah Kejuruteraan Mekanikal Universiti Tenaga Nasional, Viveggaran Muniandy, 24, terpilih mengikuti modul ekopelancongan.

Beliau sanggup melepaskan peluang kerjaya bidang profesional kerana kecenderungan terhadap bidang perniagaan terutama berasaskan perkhidmatan.

“Asalnya saya memohon mengikuti modul tanaman rock melon, tetapi panel menyarankan saya mengikuti ekopelancongan kerana kelebihan kemahiran komunikasi serta penguasaan bahasa Inggeris.

“Saya akur dengan saranan itu kerana mempunyai pengalaman bekerja sebagai pegawai pemasaran di taman tema selepas tamat persekolahan menengah,” katanya.

program itu di Taman Pertanian Universiti, UPM, di sini.

Turut hadir ialah Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr Fauzi Ramlan.

Peserta modul akuakultur, Mastura Mohd Esa, 24, berkata beliau menyertai program itu untuk mempelajari teknologi terkini ternakan ikan tilapia merah.

Graduan Diploma Mekanikal Pertanian, Politeknik Kota Bharu itu berhasrat membantu bapanya memajukan projek ternakan berkenaan di Felda Layang-Layang, Simpang Renggam, Johor, selesai menjalani pro-